

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/05/03 - 24

WAKTU OPERASI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA SEPANJANG BULAN RAMADAN 2019/1440H

Cyberjaya, 3 Mei - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan perubahan kepada waktu operasi **kaunter perkhidmatan** sepanjang bulan Ramadan 2019/1440H adalah seperti berikut:

Negeri	Hari	Waktu Perkhidmatan
Semua negeri kecuali Johor, Kedah, Terengganu dan Kelantan	Isnin - Jumaat	8.00 pagi – 4.30 petang
Sabah & WP Labuan	Isnin - Jumaat	7.30 pagi – 4.00 petang
Johor, Kedah, Terengganu dan Kelantan	Ahad - Rabu	8.00 pagi – 4.30 petang
	Khamis	8.00 pagi – 3.00 petang

Manakala waktu perkhidmatan **Hasil Care Line (HCL)** pula adalah seperti berikut:

Hari	Waktu Operasi
Isnin hingga Jumaat	9.00 pagi – 4.30 petang

Harap maklum bahawa, LHDNM akan menutup operasi harian semua pejabatnya 30 minit lebih awal sepanjang bulan Ramadan ini.

Bagi memastikan tempoh masa perkhidmatan kekal tidak berubah dan perkhidmatan kepada pelanggan tidak terjejas, waktu operasi kaunter perkhidmatan, HCL dan bekerja ini diselaraskan dengan memendekkan waktu rehat tengah hari daripada 60 minit kepada hanya 30 minit.

Namun demikian, perubahan waktu operasi ini tidak meliputi kaunter perkhidmatan LHDNM di Pusat Transformasi Bandar (UTC). Waktu operasi kaunter perkhidmatan LHDNM di UTC adalah tertakluk kepada ketetapan waktu bekerja oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan Pihak Berkuasa berkaitan.

Pelanggan yang ingin berurusan dengan LHDNM diharap ambil maklum perkara ini. Sebarang urusan percukaian berkaitan dengan LHDNM boleh diteruskan melalui perkhidmatan elektronik dengan melayari www.hasil.gov.my. LHDNM ingin mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan Kareem kepada semua pelanggan yang beragama Islam.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan oleh:**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 3 Mei 2019

/LHDNM



/LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube